

Usah pertikai kehakiman Malaysia: PM

BH 14 AUG 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta negara asing tidak mencampuri urusan dalaman Malaysia dengan mempertikaikan sistem kehakiman negara berhubung keputusan menjatuhkan hukuman terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sistem kehakiman di Amerika Syarikat juga boleh dipertikaikan kerana gagal bertindak secara adil apabila hakimnya membebaskan polis yang membelasah orang kulit hitam sehingga cedera teruk.

"Negara lain tak patut buat tuduhan kononnya kehakiman kita tidak baik. Kita tengok dulu bila orang kulit hitam dipukul setengah mati, hakim mereka bebaskan polis yang siksa orang."

"Di New York, mereka juga tak ambil kira kedaulatan negara lain dengan menangkap presiden negara lain. Bawa balik bicara bawah undang-undang mereka."

"Ini yang tak pernah dibuat di mana-mana dunia ini," katanya selepas menutup kejohanan Badminton Piala Perdana Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), di

Sistem kehakiman Amerika Syarikat juga boleh dipertikaikan kerana gagal bertindak secara adil apabila hakimnya membebaskan polis yang membelasah orang kulit hitam sehingga cedera teruk.

sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kritikan beberapa negara terhadap sistem kehakiman Malaysia yang mereka dakwa dikawal oleh kuasa eksekutif sehingga mahkamah menjatuhkan hukuman tidak adil terhadap Anwar.

Perdana Menteri berkata, jika negara berkenaan boleh berbuat demikian, Malaysia juga boleh melakukan perkara yang sama dengan menangkap presiden mereka dan dibicarakan mengikut undang-undang Malaysia.

Mengenai pendirian Malaysia terhadap sikap negara berkenaan dan sama ada ia menjejaskan hubungan dua hala, Perdana Menteri berkata: "Kita tahulah orang ini macam mana. Taklah menjejaskan kerajaan kita, tapi kita tahu siapa kawan dan siapa lawan."

Antara yang mengeluarkan kenyataan mem-

pertikaikan sistem kehakiman negara ialah Jabatan Negara Amerika Syarikat dan Naib Presiden Al Gore, Kanada, Australia, New Zealand dan Kesatuan Eropah (EU).

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Wisma Putra telah menghantar nota bantahan kepada negara terbabit bagi membantah sikap mereka.

Beliau yang turut membidas negara terbabit berkata pemimpinnya telah membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh 'sentimen peribadi' dan tidak melihat hukuman terhadap Anwar mengikut fakta perundangan.

Katanya, kebanyakan mereka mengenali Anwar secara peribadi, adalah secara semula jadi bagi mereka berasa sedih apabila Anwar didapati bersalah terhadap tuduhan.